



DR MAHATHIR di majlis penutupan Sukan Komanwel pada 21 September 1998.



Datuk Seri Dr Mahathir meletakkan asas, tapak dan keyakinan yang kukuh kepada atlit, jurulatih, Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Sukan Negara. Saya percaya atlit yang lahir semasa beliau menjadi pemimpin akan menjadikan Dr Mahathir contoh bahawa kita boleh melakukan yang terbaik.

Menteri Belia dan Sukan
Datuk Hishammuddin Hussein

Martabatkan sukan negara

BH 31/10/2003 - 46 PRECISE

Oleh Zairee Zahir

SUKAN dan politik adalah dua bidang berbeza tetapi bergerak seiring dan saling memerlukan demi perpaduan dan kekuatan mental dan fizikal rakyat sesebuah negara seperti Malaysia.

Malah sukan dikenali pasti sebagai salah satu cabang integrasi nasional dan alat penyatuan kaum yang berkesan untuk membina semangat patriotik dan cintakan negara sehingga atlit kebangsaan mampu mengecap pelbagai kejayaan sejak mendapat kemerdekaan daripada penjajah British.

Atas faktor itu juga pemimpin menteri pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi perhatian khusus terhadap pencapaian dan pembangunan sukan, dengan melahirkan ramai atlit bertaraf antarabangsa dalam cabang sukan tertentu.

Penampilan pertama Dr Mahathir di pentas sukan antarabangsa ialah apabila beliau hadir menonton dan menyampaikan hadiah kepada juara Pesta Bola Merdeka 1985, Korea Selatan yang menewaskan Amerika FC dari Brazil, 7-4 dalam perlawanan akhir di Stadium Merdeka.

Dengan dasar meneruskan kesinambungan pemimpin terdahulu, cabang sukan terus diberi perhatian sepanjang 22 tahun di bawah kepimpinannya dengan pembabitan secara langsung kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan.

Paling ketara, kemudahan dan prasarana sukan di Malaysia mencapai kemuncaknya dengan pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil bernilai beratus juta ringgit ketika negara menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998 - temasya sukan keempat terbesar di dunia.

Tidak boleh disangkal, Komanwel Kuala Lumpur 1998 adalah temasya yang berjaya, lancar dan paling meriah pernah dianjurkan dengan upacara penutupan penuh gemilang disaksikan sendiri Ratu Elizabeth II.

Lebih manis, kejayaan penganjuran itu dilakukan ketika negara dilanda kekalutan politik peringkat tertinggi serta kegawatan ekonomi global gara-gara kerakusan penyangk mata



LITAR F1 Sepang ilham Dr Mahathir memberi impak kepada sukan permotoran negara.

wang, George Soros.

Temasya sukan serantau, Sukan Sea juga menyaksikan pencapaian membanggakan apabila Malaysia buat julung kalinya pada 2001 menjadi juara keseluruhan dengan mengutip 111 pingat emas.

Dr Mahathir juga bertanggungjawab membawa sukan perlumbaan kereta Formula 1 - sukan paling prestij dan mahal di dunia - ke negara ini dengan pembinaan Litar F1 Sepang yang dianggap antara termoden dan indah sehingga sukan yang cukup asing itu kini menjadi topik biasa diperbualkan rakyat sejak Grand Prix Malaysia 1999.

Sejak 1991, Malaysia adalah gelanggang Grand Prix Motosikal Sedunia manakala Formula 1 Powerboat Dunia juga mengiktiraf penganjuran terbaik ketika Malaysia menjadi tuan rumah buat kali kedua pada 2002. Terbaru Kuala Lumpur juga menjadi tuan rumah Formula 1 Kuda.

Pembabitan kerajaan secara langsung terhadap sukan bermotor kini meletakkan Malaysia negara kedua di Asia, selepas Jepun, yang aktif dalam sukan permotoran - daripada go-kart kepada Formula 1, rali, motosikal, motocross dan pacuan empat roda (4X4).

Bagi acara sukan lumba basikal, Dr

Mahathir juga mengilhamkan penganjuran Le Tour de Langkawi (LTdL) dengan edisi pertama pada 1996 bersifat serampang dua mata untuk menanam minat terhadap sukan berbasikal jelajah serta mempromosi Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan baru.

Kini selepas lapan tahun, LTdL menjadi perlumbaan berprestij dan besar di luar Eropah sehingga badan induk antarabangsa, Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) memberi penghargaan tertinggi - Anugerah Merit UCI - kepada seorang ketua negara, Dr Mahathir.

Malaysia juga melahirkan atlit bertaraf dunia termasuk dalam sukan yang bukan baru, selain melahirkan jaguh handalan dalam sukan tradisi seperti badminton dengan kejayaan Mohd Hafiz Hashim yang menjulang gelaran juara All England tahun ini, selain kejayaan menjulang semula Piala Thomas pada 1992.

Skuad bowling meriah dengan ramai pemain bertaraf dunia seperti Shalin Zulkifli dan skuad berpasukan lelaki dan wanitanya mampu menjulang gelaran juara dunia. Sukan skuasy juga melahirkan Ong Beng Hee dan Nicol David.

Karamjit Singh dan Allen Oh juga menonjol ketika bergelar juara dunia


Kelas N tahun lalu manakala Alex Yoong juga mencipta sejarah menjadi pemandu F1 pertama dari Asia selain Jepun, yang beraksi dalam sukan paling berprestij itu.

Pembabitan secara langsung syarikat gergasi petroleum negara, Petronas dengan pasukan F1, Sauber sejak 1995 juga berjaya mengangkat imej Malaysia sehingga beberapa jurutera tempatan terbabit secara langsung dalam sukan paling canggih itu.

Slogan 'Malaysia Boleh' yang diilhamkan Dr Mahathir juga menjadi kata keramat dan laungan pembakar semangat seluruh rakyat negara ini.

Dapat disaksikan seorang demi seorang atlit dan orang perseorangan sudah berani memburu rekod dunia, seperti dilakukan pelayar solo Datuk Azhar Mansor, penakluk Everest, M Magendran dan N Mohandas, perentas Kutub Utara, Gerald dan Justin Read dan perenang Selat Inggeris, Datuk Abdul Malik Mydin.

Terlalu banyak jasa dan sumbangan Dr Mahathir dalam bidang sukan sepanjang 22 tahun kepimpinannya. Atas dorongannya, generasi muda Malaysia bukan saja mengamalkan gaya hidup sihat, positif dan cergas, tetapi juga semakin berani mengejar pelbagai kecemerlangan sukan di peringkat antarabangsa.



Beliau seorang pencinta sukan yang agung dan menghargai setiap nilai dalam sukan. Semangat kesukanan perlu dijadikan contoh untuk setiap orang di negara ini.

itu sangat berkesan dan memberi inspirasi kepada skuad kebangsaan ketika beraksi di kejohanan antarabangsa.


Timbalan Presiden Persekutuan Hoki Malaysia
Tan Sri P Alagendra




Dr Mahathir adalah Bapa Pembangunan Sukan kerana banyak ideanya untuk sukan baru di negara ini menemui kejayaan. Beliau juga memberi inspirasi kepada generasi muda untuk berani mencuba dan berjuang dalam apa jua bidang. Slogan Malaysia Boleh yang diperkenalkannya menjadi kata-kata semangat kepada atlit dan rakyat negara ini.

Wira Selat Inggeris
Datuk Abdul Malik Mydin


Satu kehilangan besar kepada negara. Walaupun sudah mencecah usia 78 tahun tetapi Dr Mahathir mempunyai kekuatan dan kecergasan mengalahkan orang muda. Saya mengagumi beliau.




Pemain badminton negara
Wong Choong Hann



FORMULA 1 Powerboat Dunia menjual nama negara.



KUALA LUMPUR berbangga menjadi tuan rumah Formula 1 Kuda.



LTdL turut menjulang nama Malaysia.